



DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

Bil. Iklan: DBKU/7/2020

- 1 a) **Jawatan:** Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi/Pengawasan) Gred N19
b) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pelaksana
c) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Pentadbiran Dan Sokongan
d) **Bahagian Yang Memerlukan:** Lanskap / Mekanikal & Elektrikal / Penyelenggaraan Infrastruktur

2. **Jadual Gaji Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19:-**

Gaji Minimum

RM 1,352.00

Gaji Maksimum

RM 4,003.00

3. **Antara Skop Tugas Utama**

- a) Memantau dan menjalankan pengawasan / penyeliaan kerja-kerja di tapak / lapangan
b) Menjalankan pemeriksaan di tapak / lapangan ke atas aduan awam
c) Membantu dalam penyediaan dokumen tender dan penilaian tender
d) Menyedia laporan / program / jadual berkaitan tugas.

4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
b) Berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80)

- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C)** dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

Syarat Tambahan :

Keutamaan akan diberikan kepada calon lelaki dan mempunyai pengangkutan sendiri

Taraf Jawatan : Kontrak

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat tersebut, adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan **menulis surat beserta 'resume' yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada :-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Dewan Bandaraya Kuching Utara
Tingkat 3, Bangunan DBKU
Bukit Siol, Jalan Semariang
Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon di kalangan kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

Tarikh Tutup Permohonan : 13 Julai 2020

Catatan Am:

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
(ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
(iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.